

Siswazah cemerlang NUS

TIGA siswazah Melayu/ Islam mencatatkan kejayaan membanggakan dengan meraih sarjana muda dengan kepujian-kecemerlangan tertinggi (serupa kepujian kelas pertama).

Mereka ialah Encik Mohd Saifullah Jumari, 25 tahun; Encik Muhd Ashsiddique Mohd Omrul Hauk, 25 tahun; dan Cik Nur Haseena Jupri, 23 tahun. Ketiga-tiganya penerima biasiswa di NUS.

Mereka adalah antara 10,867 siswazah Universiti Nasional Singapura (NUS) bakal menerima ijazah sarjana muda atau sarjana dalam majlis konvokesyen yang berlangsung selama lapan hari bermula

kelmarin hingga 19 Julai ini.

Majlis Konvokesyen NUS 2018 di Pusat Kebudayaan Universiti (UCC) itu bakal tamat dengan satu majlis makan malam pada 20 Julai.

Hadir pada majlis utama konvokesyen tersebut kelmarin ialah Presiden Singapura yang juga merupakan Canselor NUS, Halimah Yacob.

Beliau turut menganugerahkan Doktor Kehormat Undang-undang Keadilan kepada Hakim Chao Hick Tin pada majlis yang sama sebagai pengiktirafan atas sumbangan beliau kepada perkhidmatan awam, undang-undang dan Singapura.

Laporan lanjut di Muka 12.



**LULUS DENGAN
KECEMERLANGAN
TERTINGGI:** (Dari kiri) Encik Muhd Saifullah Jumari, Cik Nur Haseena Jupri dan Encik Muhd Ashsiddique Mohd Omrul Hauk berjaya lulus sarjana muda dengan kepujian-kecemerlangan tertinggi tahun ini. Ketiga-tiga siswazah NUS ini merupakan penerima biasiswa universiti tersebut. - Foto BH oleh TIMOTHY DAVID

Seramai 10,867 siswazah Universiti Nasional Singapura (NUS) dijadual menerima ijazah sarjana muda dan sarjana masing-masing dalam Konvokesyen NUS 2018 yang bermula kelmarin sehingga Khamis depan. Wartawan **NUR FATHIN AWALLUDIN** (nfathin@sph.com.sg) mengetengahkan tiga anak Melayu/Islam yang berjaya menamatkan pengajian dengan mencatat kepujian tertinggi.

Tarikan fizik bawa kejayaan

MENONTON sebuah dokumentari mengenai teori tali (*string theory*) ketika berada di sekolah menengah sudah cukup membuat Encik Muhd Saifullah Jumari jatuh cinta kepada fizik.

Beliau begitu tertarik kepada bidang tersebut sehingga berusaha meminjam buku di perpustakaan dan menonton video serta kuliah dari universiti luar negara secara dalam talian demi menyemai minatnya.

"Saya baca buku-buku itu meskipun saya tak faham keseluruhan kandungannya."

"Walaupun tak faham, saya dapati ia sangat 'cool' dan daripada situ bertambah minat saya," kata Encik Saifullah, 25 tahun.

Cintanya kepada fizik berterusan setelah beliau memasuki Maktab Rendah Kebangsaan (NJC) dari Institusi St Joseph's (SJI) sebelum itu.

Dari situ, beliau membuat keputusan mempelajari fizik di universiti "semata-mata untuk memenuhi rasa ingin tahu saya".

Beliau akur apa yang dipelajarinya di Universiti Nasional Singapura (NUS) cukup menarik untuk memenuhi rasa ingin tahunya itu.

Namun, anak muda itu masih belum berpuas hati. Beliau mahu mempelajari dan terus mendalami bidang yang cukup luas.

Justeru, Encik Saifullah mengiku-

ti Program Khas Sains (SPS) pada tahun pertama dan keduanya di NUS.

Di situ, beliau mengambil modul meliputi pelbagai aspek antara lain, berkaitan sains seperti fizik kuantum dan pembelajaran kosmos.

Encik Saifullah turut membuat penyelidikan dan membimbing siswazah baru setelah tamat mengikuti program tersebut.

Meskipun dedikasi beliau terhadap bidang fizik begitu mendalam, penerima Biasiswa Sarjana Muda NUS itu yang juga berada dalam Senarai Dekan sebanyak empat kali masih meluahkan masa bagi kegiatan ko-kurikular di NUS.

Malah, Encik Saifullah pernah menjadi anggota jawatankuasa eksekutif Persatuan Muslim NUS (NUSMS).

Berkat minat dan kesungguhannya, Encik Saifullah semalam menerima ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi) dalam majlis Konvokesyen NUS 2018.

Dengan kejayaan itu, anak sulung tiga beradik itu sudah menerima tawaran bekerja dengan syarikat berbilang negara (MNC).

Encik Saifullah bakal memulakan tugas bulan depan dengan menyanggah jawatan selaku jurutera perisian bahagian kecerdasan buatan (AI) dan robotik syarikat tersebut.



ENCIK MUHD SAIFULLAH JUMARI: Minat dalam bidang fizik mendorongnya banyak membuat pembacaan dan pembelajaran sendiri. Beliau lulus ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi) dalam majlis Konvokesyen NUS 2018. - Foto-foto BH oleh TIMOTHY DAVID

Cemerlang dalam bioperubatan, aktif kerja kemasyarakatan



ENCIK MUHD ASHSIDDIQUE MOHD OMRUL HAUK: Keinginan menyumbang kepada peningkatan penjagaan kesihatan di Singapura membawa anak muda ini hingga ke China untuk mengetengahkan projeknya dalam satu pertandingan teknologi bantuan.

PENGLIBATAN beliau dalam kerja sukarelawan di sini membuat Encik Muhd Ashsiddique Mohd Omrul Hauk tahu beliau mahu melalui pendidikan universitinya di Singapura.

Bekas pelajar Sekolah Tinggi Matematik dan Sains NUS (NUS High) itu juga tahu beliau mahu mencuburi bidang perubatan, lebih tepat lagi bagaimana teknologi boleh digunakan untuk memperbaiki penjagaan kesihatan.

Oleh itu, tidak hairanlah Encik Ashsiddique, 25 tahun, memilih Universiti Nasional Singapura (NUS) kerana ia menawarkan jurusan kejuruteraan bioperubatan.

Encik Ashsiddique juga diberi biasiswa sarjana muda universiti tersebut.

Beliau berkongsi bahawa melakukan kerja kemasyarakatan merupakan sesuatu yang penting baginya, terutama yang melibatkan pendekatan beliau.

Ini kerana beliau sendiri

pernah meraih manfaat daripada program serupa ketika di bangku sekolah.

Beliau juga menerima dermasiswa dan mengikuti program tuisyen daripada beberapa organisasi termasuk Persatuan Pembangunan Masyarakat India Singapura (Sinda).

"Saya pernah menyertai satu kumpulan gamelan dengan Kelab Masyarakat Pasir Ris di mana idea di sebalik pertubuhan kumpulan tersebut ialah untuk mendekati beliau supaya waktu mereka dipenuhi dengan melakukan perkara yang bermakna," ujar anak bongsu tiga beradik itu.

Kumpulan gamelan tersebut membuat persembahan di rumah orang-orang tua serta sekolah.

Di NUS pula, Encik Ashsiddique memenuhi masanya dengan kumpulan sukan MetaZone yang menggunakan sukan bagi mendekati beliau.

Antaranya, beliau mengajar pelajar sekolah mene-

ngah belayar dengan kapal layar sambil menyampaikan kemahiran hidup.

Meskipun sibuk dengan kerja kemasyarakatan, Encik Ashsiddique tetap melakukan yang terbaik dari segi pelajaran.

Malah, beliau kini mewakili Singapura di Shanghai, China dalam pertandingan teknologi bantuan di mana beliau dan beberapa rakan sepejuangan akan menyampaikan projek baru mereka melibatkan alat mudah alih bagi memulihkan tangan.

Sepulangnya dari China, Encik Ashsiddique akan menerima ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Biomedikal) dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi) semasa majlis konvokesyen NUS Selasa depan.

Pencapaian kepujian dengan kecemerlangan tertinggi serupa kepujian kelas pertama itu merupakan sesuatu yang cukup membanggakan beliau dan kedua ibu bapanya.

Capai lulusan lebih tinggi di NUS daripada ibu bapa

KESERONOKAN kehidupan selaku siswazah di Universiti Nasional Singapura (NUS) membuat Cik Nur Haseena Jupri tertarik memilih universiti tersebut untuk melanjutkan pendidikannya selepas maktab rendah.

Tambahan pula, beliau ditawarkan biasiswa Seni Persembahan dan Visual NUS.

Lantas, peluang cukup baik itu tidak dilepaskan Cik Nur Haseena, 23 tahun, yang mengambil jurusan Sastera Inggeris dengan Minor dalam Pengajian Filem.

Malah, beliau turut melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti ko-kurikular termasuk menyertai Simfoni Alat Tiupan (wind symphony) dan Band Jazz.

Semasa mengikuti program pertukaran selama enam bulan di Britain pula, beliau menyertai kelab trampolin di Universiti Liverpool.

Meskipun ada di antara aktiviti tersebut tidak pernah dilakukannya, Cik Nur Haseena berkongsi bahawa beliau tetap memilih mengikutinya "hanya untuk cuba perkara baru dan keluar daripada zon selesa saya".

Kerja kemasyarakatan turut tidak dilupakan.

Pada tahun pertama dan keduanya di NUS, beliau ke Kerala, India dan Yunnan, China, untuk melakukan kerja kemasyarakatan.

Melalui pengalaman tersebut, beliau mendapat pendedahan dan peluang melihat keadaan di luar Singapura.

"Melalui (pendedahan) ini kita dapat melihat apa yang boleh kita pelajari daripada mereka, selain apa yang boleh kita sumbang kepada mereka," ujar Cik Nur Haseena.

"Kami melawat sebuah sekolah di kawasan perkampungan dan mendedahkan kepada murid di sana tentang pendidikan, tapi bukan dari segi akademik. Jadi kami mengajar mereka tentang sukan dan persembahan teater," jelas gadis tersebut.

Ditanya bagaimana beliau mampu membahagikan masa antara pelajaran dengan aktiviti lain, Cik Nur Haseena berkata beliau sentiasa membuat persiapan sebelum kelas, termasuk membaca bahan bacaan yang diperlukan bagi kelas tersebut.

Selain itu, beliau menekankan kepentingan mendapatkan tidur yang mencukupi – lima hingga tujuh jam setiap malam.

"Tidur awal dan bangun pagi. Saya rasa itu kebiasaan yang baik dalam kehidupan, ia juga membantu mendisiplinkan anda," kongsi beliau.

Khamis depan, Cik Nur Haseena bakal menerima ijazah Sarjana Muda (Bahasa dan Sastera Inggeris) dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi) dengan Minor dalam Pengajian Filem.

Ini bermakna anak sulung tiga beradik itu bakal meneruskan 'legasi' kedua orang tuanya yang juga lulusan NUS.

Namun, Cik Nur Haseena berjaya meraih pencapaian yang lebih tinggi – beliau berjaya lulus sarjana muda dengan kepujian (kecemerlangan tertinggi) serupa kepujian kelas pertama.

"Ibu bapa saya sangat gembira dan bangga dengan pencapaian saya. Tak tahu pula sama ada adik-adik saya rasa tertekan atau tidak!" seloroh anak muda itu sambil tersenyum.



CIK NUR HASEENA JUPRI: Anak sulung daripada tiga beradik ini meneruskan 'legasi' ibu bapanya menerima ijazah daripada NUS. Kedua orang tuanya merupakan lulusan NUS dalam bidang perniagaan.